KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana
Presint 4, 62570 Putrajaya

Tel : 03-8871 3333
Laman Web : www.kbs.gov.my

ISBN 978-967-25569-1-6

9 789672 556916

KBSMalaysia

MODEL PEMBANGUNAN BELIA MADANI 2030



MALAYSIA MADANI

Diterbitkan oleh:
Kementerian Belia dan Sukan
Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana
Presint 4, 62570 Putrajaya
Tel: 03-8871 3333
Faks: 03-8888 8770

Hak cipta terpelihara. Hak Cipta©2023 Kementerian Belia dan Sukan

Penerbitan ini dibenarkan untuk diterbitkan semula bagi tujuan pendidikan dan tujuan bukan komersial tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta, dengan syarat petikan penuh dinyatakan.

Penerbitan ini tidak dibenarkan untuk diterbitkan semula bagi tujuan jualan atau tujuan komersial lain tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik hak cipta.

Penerbitan ini boleh dimuat turun di www.kbs.gov.my

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Belia Malaysia ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan dokumen Model Pembangunan Belia Madani 2030.

KBSMalaysia

MPBM 2030

Diterbitkan oleh Kementerian Belia dan Sukan
Menara KBS, No. 27 Persiaran Perdana
Presint 4, 62570 Putrajaya

Tel : 03-8871 3333
Laman Web : www.kbs.gov.my

MALAYSIA MADANI

YOUTH2030
WORKING WITH AND FOR YOUNG PEOPLE

KANDUNGAN

01 PERUTUSAN

09 ASAS PEMBENTUKAN

11 RINTISAN PEMBANGUNAN BELIA DI MALAYSIA

19 APA ITU MPBM2030

23 DASAR DAN PERUNDANGAN

31 SENARIO SEMASA BELIA

40 INFO MPBM2030

43 ASPIRASI BELIA

51 KERANGKA TERAS

64 KESIMPULAN

65 RUJUKAN

PERUTUSAN

YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI



ANWAR IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Sekalung penghargaan diucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Belia Malaysia kerana berjaya menghasilkan Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) bagi mereformasi pembangunan belia di Malaysia sejajar dengan konsep Malaysia MADANI.

Memperakui peranan besar golongan belia dalam mengisi matlamat negara dan menyedari hakikat perlunya agenda pembangunan belia dirancang berteraskan keperluan dan permasalahan, Kerajaan berpandangan sebuah model baharu yang bertunjangkan kesiapsiagaan perlu diwujudkan. Belia perlu mempunyai tanggungjawab dalam mempersiapkan diri dengan ilmu, keyakinan dan amal (tindakan) yang selari dengan visi Malaysia MADANI antaranya berkebolehan daya cipta dan kreatif, mempunyai rasa hormat serta keyakinan dalam mencorak masa hadapan Malaysia mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia.

Hatta MPBM2030 ini diharap akan memandu semua pihak yang terlibat dalam agenda pembangunan belia negara terutamanya dalam memperjelas hala tuju, mengatur strategi dan memperteguh tindakan dalam membangunkan generasi belia yang holistik di negara kita.

Saya percaya segala dukungan, pendapat, saranan dan kritikan membina yang diterima sepanjang proses penyediaan MPBM2030 amat bermakna dan telah menyumbang secara langsung dalam menghasilkan model ini.

Harapan saya agar MPBM2030 ini dapat difahami, dihayati, disokong dan digarap secara konsisten dan penuh kesungguhan oleh seluruh warga pembangunan belia. Semoga dengan berkat kesungguhan ini kelak, tercapai cita - cita kita untuk melahirkan belia yang kalis masa hadapan dan mampu mengangkat maruah dan nama negara di peringkat antarabangsa.

Dengan hasrat dan usaha yang jitu oleh generasi muda, perjalanan menuju matlamat ini bakal menjadi sebuah perjalanan yang bermakna untuk semua belia Malaysia.

Marilah kita bersama - sama membina masa depan negara!

PERUTUSAN



HANNAH YEOH

Salam Sejahtera

Kementerian Belia dan Sukan telah berjaya menghasilkan sebuah dokumen kerangka tindakan pembangunan belia yang diberi nama sebagai Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030). Dokumen ini adalah pelengkap kepada Dasar Belia Malaysia (DBM) selaras dengan kemajuan pada masa kini dan keperluan masa hadapan.

Pembentukan model ini dilihat amat bersesuaian dan selari dengan dasar - dasar Kerajaan yang baharu seperti Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025 (RMKe-12) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

YANG BERHORMAT
MENTERI BELIA DAN SUKAN

Selari dengan Teras DBM 2: Dari Belia Untuk Belia, dokumen ini memaparkan aspirasi belia dalam merealisasikan matlamat MPBM2030.

Penglibatan belia secara bermakna dalam proses pembangunan model ini membuktikan kesungguhan Kerajaan dalam mengangkat suara dan pandangan belia ke peringkat yang lebih tinggi.

Dalam usaha meningkatkan penyertaan belia sebagai warganegara aktif dalam pembangunan negara maka, MPBM2030 perlu dijadikan rujukan utama oleh semua pemegang taruh untuk merancang dan melaksanakan inisiatif belia. Besar harapan saya agar setiap Kementerian dan Agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan agenda pembangunan belia dapat menyokong MPBM2030 selari dengan hala tuju yang kita impikan.

Justeru, saya berharap MPBM2030 akan memberi pelbagai manfaat kepada generasi belia terutamanya dalam meningkatkan sosioekonomi melalui pekerjaan masa hadapan, pendidikan berkualiti, pengukuhan perpaduan dan sosialisasi politik.

Saya mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan idea, tenaga dan masa dalam membangunkan model ini. Semoga hasrat kita dalam memperkasakan belia dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bersama kita wujudkan masa depan belia yang lebih baik.

PERUTUSAN



Ts. DR. NAGULENDRAN KANGAYATKARASU

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) merupakan prakarsa Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Majlis Belia Malaysia dalam usaha memberdayakan belia dengan pendekatan Malaysia Madani dan memberi tumpuan kepada isu dan cabaran pandemik COVID-19. Model ini menjadi dokumen sokongan kepada Dasar Belia Malaysia (DBM) ke arah memperkukuhkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik negara pada masa hadapan berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. MPBM ini juga menyokong pelaksanaan nasional UN Youth Strategy 2030.

KBS sentiasa peka terhadap kerisauan dan cabaran belia mengenai kehidupan masa hadapan.

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Tidak dapat dinafikan bahawa pandemik COVID-19 memberi dampak besar kepada ekosistem belia yang mencabar kemampuan dan ketahanan untuk menerima seterusnya mengadaptasi perubahan dalam kehidupan belia.

Bertitik tolak kepada situasi tersebut, KBS mengambil pendekatan perlunya pembentukan sebuah model yang lebih berfokus dan holistik supaya ia seiring dengan perubahan persekitaran semasa. Model ini mengambil kira pandangan, sumbang saran, cadangan penambahbaikan serta idea dari pelbagai pemegang taruh bagi kelangsungan hidup belia yang lebih berdaya maju.

Lantaran itu, dokumen MPBM2030 menggariskan hala tuju pembangunan belia dengan memberikan penekanan kepada empat (4) teras utama iaitu pendidikan dan latihan berkualiti, penciptaan pekerjaan dan transformasi keusahawanan, kecergasan dan kesejahteraan hidup, serta penglibatan dan suara belia. Bagi memastikan kejayaan model ini, KBS akan mengorak langkah seterusnya dengan membentuk Pelan Tindakan MPBM2030 melibatkan peranan pelbagai pihak. Saya berharap semua pihak dapat bersama – sama KBS dalam melaksanakan MPBM2030 dan seterusnya diikuti dengan Pelan Tindakan MPBM2030.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Kumpulan Pakar MPBM2030, agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, pertubuhan belia dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Semoga agenda pembangunan dan pemerkasaan belia di Malaysia dapat dilaksanakan dengan penuh jaya.

PERUTUSAN



MOHD IZZAT AFIFI BIN ABDUL HAMID

Assalamualaikum Warahmatulahi Wabarakatuh
Salam Menggerak Belia

Setinggi - tinggi syukur dipanjatkan kehadrat yang Maha Berkuasa dan Maha Bijaksana atas limpahan rahmat dan kurniaNYA akhirnya dokumen penting ini berjaya diluncurkan selepas menjalani proses rekonsiliasi dan pemurnian yang panjang demi memastikan setiap agenda utama pembangunan belia yang dihasratkan sejak awal pembentukan kerangka Model ini diterjemahkan dengan terperinci.

Semenjak dunia dan negara dilanda krisis wabak COVID-19 beberapa tahun lepas, golongan belia merupakan antara kelompok yang menerima kesan yang membimbangkan. Dampak sosial, ekonomi, pendidikan, mental, digital dan teknologi serta pelbagai lagi mencengkam warga belia Malaysia tanpa mengira kelompok umur dan latar belakang, malah ianya masih lagi dirasai sehingga ke hari ini.

PRESIDEN MAJLIS BELIA MALAYSIA

Laporan kajian oleh Bank Dunia yang melabelkan generasi terkesan ini sebagai 'the lost generation' menunjukkan kegentingan yang dihadapi oleh warga belia.

Justeru Model Pembangunan Belia Madani 2030 (MPBM2030) ini merupakan manifesti kecaknaan dan keprihatinan Majlis Belia Malaysia (MBM) dalam berperanan bersama - sama pihak kerajaan merancang dan menggubal suatu inisiatif yang berhasrat menyediakan ekosistem pembangunan belia yang kalis masa hadapan di samping menonjolkan nilai berdaya tahan tinggi warga belia Malaysia. Teras, strategi dan inisiatif yang digagaskan melalui MPBM 2030 ini benar - benar datang daripada hasrat dan kehendak belia itu sendiri melalui pengumpulan aspirasi dan suara yang dijalankan secara giat bersama dengan pelbagai kelompok belia melalui beberapa siri libat urus di setiap negeri dan peringkat.

Bagi pihak MBM, saya ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pemegang taruh utama, kumpulan pakar, kumpulan perencana dasar dan warga belia yang komited bersama - sama memastikan dokumen ini menjadi realiti. MBM akan kekal komited menjadikan MPBM2030 ini sebagai dokumen panduan dalam merencana setiap inisiatif dan program bagi menjayakan hasrat bersama ini. Saya juga menyeru agar dokumen ini akan sentiasa menjadi rujukan, dihayati dan difahami di samping mendapat sokongan oleh semua warga belia Malaysia. Semoga menjelang tahun 2030 nanti, segala hasrat yang diaspirasikan ini akan kita capai bersama.

ASAS PEMBENTUKAN

MPBM2030 sebagai pelengkap bagi menyokong dan menambah baik mekanisme Dasar Belia Malaysia (DBM) yang sedia ada agar selari dengan dasar nasional terkini seperti gagasan Malaysia MADANI, Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021 - 2025 (RMKe-12), Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan sebagainya.

Tumpuan akan diberikan kepada usaha untuk menangani cabaran belia terutamanya pasca COVID-19 serta mempersiapkan anak muda dalam menghadapi arus perubahan landskap digital yang merangkumi bidang kemahiran termasuk menghakupaya belia melalui pemikiran analitik dan inovasi, kecekapan pengurusan teknologi baharu dan penekanan budaya inovasi dan kreativiti.

MPBM2030 dipadankan dengan Konsep III DBM - Futuristik, Relevan dan Terkini. Konsep ini wajar diberikan pengukuhan dan pemerkasaan antaranya elemen belia sebagai sumber dan aset negara dapat diperkasakan pasca COVID-19, dasar latihan belia berupaya menjawab kepada pekerjaan masa hadapan dan peningkatan kemahiran.

MPBM2030 menjawab persoalan dan permasalahan semasa para belia yang kecewa *(youth disillusionment)* khususnya berkaitan dengan cabaran era pandemik iaitu pengangguran, pekerjaan, ekonomi, pendidikan, kesihatan mental dan jurang digital. Ia menjadi mekanisme ampuh untuk menghidupkan harapan kepada belia pandemial yang resah dan kecewa akan masa depan kesan daripada COVID-19. Antara elemen yang digarapkan dalam MPBM2030 adalah pembaharuan 'manhaj' (model) gerakan belia, pengantarabangsaan, futuristik, teknologi hijau dan kerja belia profesional.

Kerangka yang mudah diikuti dan dipraktiskan dengan mengambil kira bukan sahaja pembangunan fizikal tetapi juga pembangunan dalaman belia meliputi mental dan spiritual.

MPBM2030 ini bertujuan untuk menangani cabaran belia pasca pandemik yang merangkumi pendigitalan pertubuhan belia, inisiatif berteraskan data, *analytical and design thinking*, mendaya upaya belia dengan teknologi pintar serta merangsang kebudayaan inovasi dan kreativiti.

Pelaksanaan model dapat menyediakan belia tempatan dengan tiga (3) bidang kemahiran semasa yang kritikal dikehendaki masyarakat iaitu kecekapan pengurusan teknologi kontemporari, melengkapkan diri dengan penggunaan data terkini dan pengupayaan daya pemikiran analitik dan inovasi.

MPBM2030 dibangunkan berdasarkan kepada aspirasi dan suara lapan (8) kumpulan sasaran belia seperti yang digariskan bawah DBM.

Rintisan PEMBANGUNAN BELIA DI MALAYSIA

1948

Penubuhan **MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)**

23 Julai 1948, pertemuan seramai 75 orang wakil pertubuhan di *Victoria Institution* telah membuka laluan kepada penubuhan MBM. Ekoran daripada penubuhan Jawatankuasa Khas Sementara Belia, Tun Abdul Razak Hussein dan Tuanku Ja'afar Ibni Tuanku Abdul Rahman telah mewakili Tanah Melayu di Persidangan Perhimpunan Belia Sedunia (*World Assembly of Youth – WAY)* di Brussels. Susulan itu, WAY telah mengiktiraf MBM (sementara) sebagai Jawatankuasa Kebangsaan baginya di Tanah Melayu.

1950

PENGIKTIRAFAN MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM)

MBM telah diiktiraf secara rasmi pada 9 September 1950 di Pulau Pinang setelah perlembagaannya diterima pakai. Mesyuarat telah menerima F.C Arulanandum sebagai Presiden MBM yang pertama. Pada tahun 1951, Kerajaan telah mengiktiraf MBM sebagai Majlis Kebangsaan bagi pertubuhan belia di negara ini.

1953

FUNGSI PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

Fungsi pembangunan belia dan sukan bermula pada tahun 1953 dengan tertubuhnya Bahagian Kebudayaan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diberi tanggungjawab bagi pembangunan belia di Malaysia.



1964

Penubuhan **KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)**

Pada tahun 1964, Jabatan Kebudayaan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan sebelum KBS dibentuk pada 15 Mei 1964. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang pertama.

1964

SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA (HBN)



Sambutan HBN pertama adalah pada tahun 1964. Ia dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. HBN dianjurkan mengambil kira semangat kepada penubuhan KBS.

1971

MAJLIS PERUNDINGAN BELIA NEGARA (MPBN)

MPBN kali pertama dirasmikan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Razak bin Hussein pada 15 Mei 1971 di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

1985

DASAR BELIA NEGARA (DBN)

DBN merupakan dasar belia yang pertama digubal sempena Perayaan Tahun Belia Antarabangsa dengan matlamat untuk membina belia demi kesejahteraan negara.

1988

Penubuhan **PUSAT BELIA ANTARABANGSA (IYC)**

IYC ditubuhkan oleh Kerajaan melalui keputusan Jemaah Menteri pada 6 Februari 1985 dan dirasmikan pada 16 April 1988 oleh Perdana Menteri Malaysia. IYC berfungsi sebagai institusi pembangunan belia dan pusat penempatan pejabat bagi Badan Bukan Kerajaan belia serta menjalankan program pembangunan belia antarabangsa.

1994

RAKAN MUDA

Program Rakan Muda yang dilaksanakan pada tahun 1994 telah diberi suntikan baharu pada tahun 2015 dengan penjenamaan semula program yang kini menekankan aspek penonjolan kreativiti dan bakat golongan muda. Program ini memberi peluang kepada belia untuk menganjurkan aktiviti bermanfaat kepada masyarakat.

1997

DASAR PEMBANGUNAN BELIA NEGARA (DPBN)

Dasar Belia Negara dikaji semula pada tahun 1997 dan dinamakan sebagai DPBN. DPBN bertujuan untuk mewujudkan belia yang memiliki peribadi yang bersepadu dari segi rohaniah, akliah dan jasmaniah, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara.



2001

Penubuhan BAHAGIAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BELIA (BPKB)

BPKB yang dahulunya dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kemahiran dinaik taraf daripada Cawangan Kemahiran di bawah Bahagian Pembangunan Belia sempena penyusunan semula struktur organisasi KBS pada Tahun 2001. BPKB menyelaras pengoperasian 22 Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) meliputi Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

ANUGERAH REMAJA PERDANA (ARP)

Program ARP yang diadaptasi daripada Program *Duke of Edinburgh's Award* telah diperkenalkan pada tahun 2001 yang merupakan satu wadah bagi memberi sokongan dan semangat kepada golongan remaja bagi memupuk nilai - nilai murni dan seterusnya mencapai personaliti unggul.

1993

AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (APBM) PORT DICKSON

APBM Port Dickson merupakan pusat latihan belia dalam bidang kepimpinan yang telah diasaskan di bawah KBS pada tahun 1993. Ia merupakan pusat latihan untuk belia dalam pelbagai aspek kepimpinan daripada peringkat akar umbi hingga ke peringkat tertinggi.

2000

Penubuhan JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGARA (JBSN)

JBSN ditubuhkan pada tahun 2000 bagi memperkasakan pembangunan belia yang berdaya maju dan membudayakan rakyat Malaysia melalui aktiviti sukan untuk semua.

2005

Penubuhan INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) dilancarkan pada 15 Mei 2005 bersempena HBN dan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668). IPPBM kemudiannya dijenamakan sebagai IYRES pada 6 Februari 2014. IYRES sebagai pusat penyelidikan pembangunan belia berfungsi untuk menjalankan penyelidikan pembangunan belia, menganalisis isu - isu semasa berkaitan belia, menilai dan menyediakan input rujukan kepada pemegang taruh pembangunan belia.

2006

AKADEMI PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (APBM) BATU GAJAH

Penjenamaan semula APBM Batu Gajah telah dilaksanakan secara rasmi pada 17 Julai 2006. Matlamat APBM Batu Gajah adalah untuk mewujudkan usahawan belia yang cemerlang, cekap, mahir, berilmu, berdaya saing dan berakhlak mulia.



2007

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA (ROY)

Penubuhan ROY adalah untuk mentadbir Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) dan ROY telah memulakan operasi pada 1 Januari 2007.

2010

MAKMAL TRANSFORMASI PEMBANGUNAN BELIA

Makmal Transformasi Pembangunan Belia telah dilaksanakan pada 3 Ogos 2010 bagi memberi tumpuan kepada Generasi Y yang berumur antara 10 hingga 28 tahun. Makmal tersebut berfungsi melaksanakan kajian mengenai program pembangunan belia dengan mengambil kira *mindset* Generasi Y mengikut perubahan teknologi.

2011

Program KESUKARELAWANAN BELIA ANTARABANGSA (MyCORPS)

MyCORPS diwujudkan hasil daripada Makmal Transformasi Pembangunan Belia dan diinspirasikan melalui Program *Peace Corps*, USA dan disesuaikan dengan Dasar Belia Malaysia. Program ini bertujuan untuk mewujudkan tenaga sukarelawan tahap tinggi dan melahirkan sukarelawan belia antarabangsa dalam kalangan golongan belia yang berkualiti, berkemahiran, berpengetahuan serta memiliki nilai kesukarelaan yang tinggi.

MYCORPS

2013

FELO PERDANA

Program Felo Perdana telah dilancarkan pada tahun 2013 dengan tujuan untuk memberi peluang kepada anak muda yang cemerlang dan berbakat menimba pengalaman secara langsung dalam tadbir urus Kerajaan dan negara.

PROGRAM FELO PERDANA

2014

PELAN TRANSFORMASI INSTITUT KEMAHIRAN BELIA NEGARA (IKBN)

Pelan Transformasi IKBN telah dilancarkan pada tahun 2014 bagi meningkatkan kualiti, keupayaan dan keberkesanan IKBN dalam melahirkan modal insan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkemahiran tinggi serta menjadikan IKBN sebagai institut latihan TVET pilihan.

2015

PARLIMEN BELIA MALAYSIA (PBM)

PBM merupakan satu platform dan saluran bagi belia membincangkan isu - isu berkaitan belia. PBM pertama kali bersidang pada 10 dan 11 Januari 2015. Ia merupakan hasrat Kerajaan dalam melahirkan lebih ramai pemimpin belia yang berkaliber.



DASAR BELIA MALAYSIA (DBM)

DBM telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Mei 2015 bersempena dengan HBN 2015. Ia terbentuk hasil daripada pengemaskinian dan pengukuhan DPBN. DBM merupakan satu kerangka dasar komprehensif ke arah memperkukuhkan dan menyerlahkan potensi modal insan belia sebagai pemacu pembangunan strategik.

2018

Penubuhan INSTITUT PEMBANGUNAN DAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN (i-LEAD)

i-LEAD merupakan institusi baharu di bawah KBS untuk merangka dan melaksanakan program pemerkasaan anak muda meliputi aspek - aspek seperti kenegaraan dan jati dari, kepimpinan, integrasi dan perpaduan sosial, kesukarelawan dan sosialisasi politik.

2019



UNDI 18

Rang Undang - Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 25 Julai 2019. RUU ini telah diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 4 September 2019 dan seterusnya diwartakan pada 10 September 2019. Intipati utama pindaan ini ialah penurunan had umur pengundi dan kelayakan menjadi calon daripada 21 kepada 18 tahun serta pelaksanaan pendaftaran pemilih secara automatik.

2020



SENATOR BELIA

Semasa perasmian Sambutan Hari Belia Negara 2020, Kerajaan bersetuju untuk melantik seorang belia sebagai Ahli Dewan Negara untuk memastikan suara anak muda memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan negara. Langkah ini membolehkan suara dan pandangan anak muda sentiasa diberi perhatian dan diambil kira dalam proses keputusan Kerajaan.

APA ITU MPBM2030?

MALAYSIA MADANI

MPBM2030 adalah sebuah dokumen yang memetakan perancangan sehingga 2030 ke arah menyediakan dan mempersiapkan generasi belia beridentiti Malaysia bagi menghadapi cabaran dan perubahan masa hadapan khususnya kesan daripada pandemik COVID-19. Bagi mencapai matlamat tersebut, Model ini menggariskan teras utama, strategi dan inisiatif dengan sasaran keberhasilan yang lebih jelas dan perancangan yang lebih berkesan.

MPBM2030 bertunjangkan kepada konsep madani selaras dengan hala tuju negara iaitu Malaysia MADANI. Berteraskan enam (6) rukun iaitu keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan, MPBM2030 menyasarkan kepada belia secara inklusif dengan tindakan secara kolektif oleh semua pihak dalam usaha mewujudkan sebuah Malaysia yang mampan.

MPBM2030 memberi penekanan kepada pemberdayaan belia antaranya melalui pendidikan berkualiti dan latihan yang berkesan, elemen daya cipta, daya tahan, kemahiran, teknologi, kesukarelawanan, kebersamaan dan kebijaksanaan tradisi. Natijahnya, negara dapat melahirkan belia yang sejahtera serta seimbang bukan sahaja dari aspek keperluan fizikal dan material tetapi juga rohani dan intelek.

PENEKANAN MPBM2030










Sebagai kesinambungan kepada Dasar Belia Malaysia, Model ini juga akan membantu Kerajaan dalam merealisasikan usaha untuk melahirkan lebih ramai belia yang dinamik, kompeten, berdaya saing dan berdaya tahan bagi mendepani cabaran masa kini dan perubahan masa hadapan.



MENINGKATKAN SOSIOEKONOMI

melalui inisiatif peluang dan penciptaan pekerjaan, pendidikan dan kemahiran masa hadapan



MELAHIRKAN WARGANEGARA BELIA

yang lebih yakin dan aktif selain berdaya tahan menghadapi cabaran

RASIONAL PEMBENTUKAN



MEMPERKUKUH EKOSISTEM PEMBANGUNAN BELIA

khususnya hubungan belia dengan keluarga, masyarakat dan agensi Kerajaan




MENINGKATKAN KETAHANAN DIRI BELIA

terutamanya bagi mengatasi masalah kesihatan mental



MEMANFAATKAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI

yang berkembang pesat selari dengan era digital terkini



DASAR DAN PERUNDANGAN

PEMBANGUNAN MODEL PEMBANGUNAN BELIA MADANI 2030 DIPERKEMASKAN DENGAN PENDEKATAN YANG SISTEMATIK MELALUI PENJAJARAN AGENDA NASIONAL

DASAR BELIA MALAYSIA (DBM)

DBM merupakan satu perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia bagi tempoh 20 tahun sehingga ke tahun 2035.



Penjajaran DBM - MPBM2030

MPBM2030 adalah sebagai pelengkap bagi menyokong dan menambah baik mekanisme Dasar Belia Malaysia (DBM). MPBM2030 ini berpaksikan kepada DBM di bawah Konsep III - Futuristik, Relevan dan Terkini supaya pelaksanaan pembangunan belia sentiasa relevan dan terkini mengikut keperluan belia masa kini dan masa hadapan.

AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007 (AKTA 668)

Akta 668 merupakan suatu Akta untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia di Malaysia daripada aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia.



Penjajaran Akta 668 - MPBM2030

MPBM2030 yang dihasilkan adalah selaras dengan Akta 668 melalui Bahagian 3 - Pertubuhan Belia dan Bahagian 4 - Pembangunan Belia. Penjajaran Akta 668 tersebut diaplikasikan ke dalam teras penglibatan dan suara belia melalui strategi memberdayakan pertubuhan belia.

TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

TN50 merupakan satu inisiatif pembangunan negara untuk tempoh masa tahun 2020 hingga 2050 yang dibentuk oleh aspirasi belia. Fokus utama adalah untuk menjadi negara teratas dalam pembangunan ekonomi, sosial dan inovasi.

TN50 merupakan antara rujukan utama penyediaan MPBM2030 berdasarkan aspirasi yang dibangkitkan oleh belia. Model ini menyokong TN50 dalam menjadikan Malaysia sebuah negara bangsa yang unggul melalui:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti;
(ii) Memastikan belia bersedia ke arah pekerjaan masa hadapan;
(iii) Meningkatkan kesihatan mental, kecergasan fizikal dan kecerdasan spiritual;
(iv) Memantapkan jati diri dan perpaduan sosial;
(v) Meneguhkan institusi kekeluargaan;
(vi) Meningkatkan kesedaran tentang kelestarian alam sekitar; dan
(vii) Memperkasakan pengantarabangsaan belia.

MALAYSIA MADANI


Malaysia Madani menjadi satu gagasan baharu yang memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Negara dan peradaban yang dibangunkan adalah berpandukan enam (6) rukun utama MADANI (keMampanan, kesejahterAan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan). Dasar ini komited untuk memastikan rakyat celik akan masa hadapan serta membangunkan pendekatan yang berupaya mengemudi arah dalam zaman pasca normal.

Penjajaran Malaysia Madani – MPBM2030

MPBM2030 dijajarkan dengan Malaysia MADANI melalui kesemua enam (6) rukun utama MADANI yang memberikan keutamaan kepada kebajikan dan keperluan rakyat termasuk golongan belia.

MPBM2030 menyokong Malaysia MADANI dalam memeta hala tuju negara antaranya:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti;
(ii) Memperkasakan TVET sebagai pilihan utama belia;
(iii) Memastikan belia bersedia ke arah pekerjaan masa hadapan;
(iv) Meningkatkan kesihatan mental, kecergasan fizikal dan kecerdasan spiritual;
(v) Memantapkan jati diri dan perpaduan sosial;
(vi) Meneguhkan institusi kekeluargaan;
(vii) Meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan dan pemilikan rumah;
(viii) Meningkatkan kesedaran tentang kelestarian alam sekitar; dan
(ix) Membudayakan nilai kesukarelawanan belia.



RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12)

RMKe-12 menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merancakkan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar.

Penjajaran RMKe-12 – MPBM2030

MPBM2030 dijajarkan dengan RMKe-12 antaranya daripada aspek keusahawanan, kesukarelawanan, TVET, alam sekitar, gaya hidup sihat dan aktif, teknologi, pendidikan kewangan, penyertaan dalam pentadbiran serta pemilikan rumah. MPBM2030 menyokong RMKe-12 melalui:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti;
(ii) Memastikan belia bersedia ke arah pekerjaan masa hadapan;
(iii) Meningkatkan kesihatan mental, kecergasan fizikal dan kecerdasan spiritual;
(iv) Memantapkan jati diri dan perpaduan sosial;
(v) Meningkatkan keupayaan pengurusan kewangan dan pemilikan rumah;
(vi) Meningkatkan kesedaran tentang kelestarian alam sekitar;
(vii) Mengukuhkan sosialisasi politik, demokrasi dan kenegaraan; dan
(viii) Membudayakan nilai kesukarelawanan belia.



PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PPPM) 2013 - 2025

A. PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA LEPAS MENENGAH

PPPM 2013 – 2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah) melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa hadapan.

Penjajaran PPPM 2013 – 2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)– MPBM2030

Tiga (3) daripada 11 anjakan strategik dan operasi dijajarkan dengan MPBM2030 iaitu Anjakan 1 (Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa), Anjakan 3 (Melahirkan rakyat yang menghayati nilai) dan Anjakan 7 (Memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia).

MPBM2030 menyokong PPPM 2013 – 2025
(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) melalui:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti; dan
(ii) Memperkasakan TVET sebagai pilihan utama belia.



B. PENDIDIKAN TINGGI (PT)


PPPM (PT) disediakan untuk melakarkan fasa seterusnya dalam perjalanan transformasi pendidikan tinggi Malaysia berdasarkan bidang tumpuan Pelan Strategik Pengajian Tinggi negara (PSPTN) dan meneroka bidang keutamaan baharu.

Penjajaran PPPM (PT) – MPBM2030

Empat (4) lonjakan memfokus pada keberhasilan yang dijajarkan dengan MPBM2030 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, Kecemerlangan Bakat, Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat dan Graduan TVET Berkualiti.

MPBM2030 menyokong PPPM (PT) melalui:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti;
(ii) Memperkasakan TVET sebagai pilihan utama belia;
(iii) Memastikan belia bersedia ke arah pekerjaan masa hadapan; dan
(iv) Mentransformasikan keusahawanan.



RANGKA TINDAKAN (*BLUEPRINT*) EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MYDIGITAL)

MyDIGITAL adalah inisiatif yang melambangkan aspirasi Kerajaan mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital. Rangka tindakan ini menetapkan trajektori sumbangan ekonomi digital kepada ekonomi Malaysia dan membina asas untuk memacu pendigitalan di seluruh negara termasuk dalam merapatkan jurang digital.

Penjajaran MyDIGITAL – MPBM2030
Empat (4) teras utama MyDIGITAL yang diberi penekanan dalam pembentukan MPBM2030 iaitu Teras 2 (Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan), Teras 3 (Membina infrastruktur digital yang menyokong), Teras 4 (Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten) dan Teras 5 (Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif).

MPBM2030 menyokong MyDIGITAL melalui:

(i) Melestarikan pendidikan dan latihan berkualiti;
(ii) Memastikan belia bersedia ke arah pekerjaan masa hadapan; dan
(iii) Mentransformasikan keusahawanan.



MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

